NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

EDISI#30

5 Sept 2024 – 11 Sept 2024

PENULIS NEXUS
KUMPULAN PENYELIDIK YAYASAN STRATEGIK LESTARI
DAN PENYELIDIK JEMPUTAN

www.yslestari.org.my/**nexus**

ISI KANDUNGAN

U-Turn DNS: Tanda Aras Urus Tadbir Internet 2
Intervensi Kurikulum: Beri Guru Peluang Kedua 5
LRA Runtuh, Lihat Kembali Penilaian EIA 7
Tanah Adat Orang Asli di Perak Dicemari 10
Pensijilan Halal Bukan Beban Tapi Peluang 12


NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel: penyelidik@yslestari.org.my

U-Turn DNS: Tanda Aras Urus Tadbir Internet

- Sekali lagi kerajaan Malaysia telah menarik perhatian dunia apabila mengarahkan para Penyedia Perkhidmatan Internet (ISP) untuk mengalihkan trafik **Sistem Nama Domain** (DNS) yang menggunakan pelayan DNS pihak ketiga kembali ke pelayan DNS mereka sendiri.
- Arahan ini dikeluarkan oleh Menteri Komunikasi (KKOM) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) yang mengumumkan pelaksanaan pengalihan DNS (DNS redirection).
- Arahan ini bertujuan **mengekang aktiviti haram** seperti pornografi, perjudian dalam talian, dan laman web yang menyebarkan perisian hasad. Tidak dinafikan tindakan ini adalah baik, namun ia dilihat sebagai satu cubaan mengawal penggunaan internet bagi menyekat kebebasan bersuara.
- Kebimbangan ini ada asasnya jika dilihat kepada corak pentadbiran YB Menteri KKOM sepanjang 21 bulan apabila kerajaan beberapa kali terpaksa memohon dengan syarikat penyedia perkhidmatan seperti TikTok untuk **menapis pelbagai kandungan** yang antaranya bercanggah dengan pendirian kerajaan PH-BN.
- Jelas ia adalah suatu tindakan bagi mengawal kandungan dan aktiviti dalam talian di peringkat domestik, namun ia juga menjejaskan kedaulatan digital. Sedangkan perbezaan pendapat ini adalah suatu kebiasaan di mana-mana negara yang mengamalkan sistem demokrasi dan harus diraikan.
- Namun, dalam konteks global, langkah seperti sekatan DNS boleh menyebabkan **kesan sampingan** yang tidak diingini, termasuk menjejaskan kandungan sah serta mencetuskan isu penapisan berlebihan.
- Tindakan seperti pengalihan DNS yang dilakukan tanpa pertimbangan yang mendalam boleh mengganggu aplikasi dan aktiviti sah dalam talian, yang

berpotensi menggugat kepercayaan pengguna. Ia tidak dapat sepenuhnya menyelesaikan masalah yang cuba kerajaan perjelaskan. Ini kerana kaedah kawalan internet tradisional seperti sekatan DNS mungkin tidak lagi memadai untuk menghadapi ancaman siber yang semakin rumit.



- **Penjenayah siber** menggunakan teknologi canggih seperti Domain Generation Algorithm (DGA) yang menghasilkan nama domain secara dinamik, menjadikannya sukar untuk dikesan dan disekat dengan berkesan.
- Negara kita sebenarnya jauh ketinggalan daripada melaksanakan urus tadbir internet yang baik iaitu melalui penglibatan pelbagai pemegang taruh internet dalam pembuatan keputusan (*multistakeholderism in internet governance*).
- Oleh itu, penglibatan pelbagai pihak berkepentingan dalam konteks tadbir urus Internet perlu dipertingkatkan. MCMC dan agensi pengawal selia lain perlu bekerjasama dengan sektor teknikal, industri, dan masyarakat sivil untuk merumuskan polisi yang menjamin keselamatan dalam talian tanpa mengorbankan kebebasan internet.

- Dialog antara semua pihak berkepentingan amat diperlukan bagi memastikan keseimbangan antara keselamatan siber dan hak pengguna terus terpelihara.
- Langkah ini yang kemudian diumumkan penangguhannya seolah menjadi kebiasaan menteri Pakatan Harapan, iaitu buat dahulu baru berfikir. Ia menggambarkan kepada ketidakcermatan dalam mencadang dan melaksanakan sesuatu polisi dan tindakan.

RUJUKAN

- https://theedgemalaysia.com/node/725935
- https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/Report/Laporan_Tahunan-2022.pdf

Intervensi Kurikulum: Beri Guru Peluang Kedua

- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada Isnin memaklumkan berjaya mengurangkan sebanyak 50 peratus **kepadatan kurikulum** hasil pelaksanaan Intervensi Kurikulum dalam usaha memudahkan guru melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang telah dijalankan sejak Mac lalu.
- Menurut Ketua Pengarah Pendidikan, Azman Adnan berkata, perkara itu dicapai setelah pihaknya berhasil melakukan pengemaskinian standard pembelajaran dan standard kandungan bagi topik-topik tertentu melibatkan mata pelajaran Sains dan Matematik.
- Tambah beliau, **empat mata pelajaran** iaitu Matematik, Sains, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris telah terbabit dalam penyusunan semula Dokumen Penjajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (Semakan 2017) Edisi 3.
- Terdahulu, media sering melaporkan kegusaran orang ramai terutama para guru dan ibu bapa berkaitan aras kurikulum yang dikatakan tinggi sehingga menyebabkan **murid sukar memahami kandungan** mata pelajaran khususnya di Tahap 1.
- Ironinya, rungutan ini tidak diselesaikan segera oleh KPM melalui langkah intervensi yang bertepatan sehingga menyebabkan ada di kalangan guru memilih untuk bersara awal bagi mengelakkan tekanan meneruskan proses PdP kepada murid.
- Lebih malang, ada di kalangan guru-guru pernah diberi notis tunjuk sebab, diancam turun jawatan malahan dibuang kerja gara-gara bersuara mengenai isu ini. Contoh yang paling popular adalah kes yang pernah berlaku kepada guru cemerlang, Cikgu Fadli Salleh, beberapa tahun lalu.

- Rentetan pengumuman KPM di atas, ada pihak yang memberi cadangan agar KPM membuat pertimbangan mengajak **guru-guru yang bersara awal** disebabkan isu ini diterima kembali bekerja dan menjadi pendidik di sekolah.
- Pakar pendidikan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Anuar Ahmad dalam satu wawancara berkata, guru-guru tersebut perlu diberi peluang untuk kembali berkhidmat di sekolah memandangkan mereka menegur perkara yang betul.
- Beliau turut menzahirkan rasa terkilan kerana para guru sudah melakukan apa yang dirasakan betul namun tindakan itu menyebabkan mereka kehilangan meskipun pada akhirnya KPM sendiri mengakui silibus yang ada memang bermasalah.

RUJUKAN


- https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/tegur-sistem-pendidikan-beri-guru-peluang-kedua-pakar/
- https://malaysiagazette.com/2024/09/09/kpm-kurangkan-kepadatan-kurikulum-50-peratus-azman-adnan/
- https://www.sinarharian.com.my/article/684711/berita/nasional/pengurangan-kepadatan-kurikulum-mudahkan-guru-murid

LRA Runtuh, Lihat Kembali Penilaian EIA

- Tapak pembinaan **Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Rasau** berdepan detik cemas apabila tebing sungai runtuh sehingga menyebabkan kawasan projek itu ditenggelami air sedalam 19 meter dalam masa 20 minit.

- Bagaimanapun, tiada mangsa dilaporkan terbabit dalam kejadian itu. Susulan insiden terbabit, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor mengarahkan kerja-kerja pembinaan LRA dihentikan serta-merta.

- Pihak pengurusan juga diminta menghubungi Majlis Perbandaran Sepang (MPS) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi memastikan kawasan runtuhan itu selamat sepenuhnya sebelum kerja pembinaan diteruskan semula. Pihak JPBM juga memaklumkan bahawa berlaku rekahan baharu akibat pergerakan tanah selepas insiden tebing runtuh itu.



- Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) menjangkakan projek yang pada asalnya dijangka siap pada tahun hadapan itu akan berlaku kelewatan yang akan menjejaskan bekalan air. Walau bagaimanapun, SPAN dan pihak operator (Air Selangor) menyatakan mereka akan merangka pelan kontingensi bagi memastikan bekalan air mencukupi untuk keperluan pengguna.

- **Gamuda Berhad** yang merupakan syarikat pemaju dan kontraktor yang dilantik berkata semua pihak di tapak pembinaan sedang bekerjasama rapat

dengan pihak berkuasa tempatan dan pakar untuk menyiasat punca kejadian dan menentukan tindakan sewajarnya.

- LRA Sungai Rasau ini sebenarnya bakal menjadi **loji paling besar** dan termaju di Asia Tenggara dengan kemampuan menghasilkan bekalan air bersih sebanyak 1,400 juta liter sehari (JLH). Fasa pertama projek ini menelan belanja RM3.4 bilion, dijangka siap 2025 (pada asalnya 2024 sebelum berlaku kelewatan) dan fasa kedua pula menelan belanja RM2.4 bilion, dijangka siap 2030.

- Antara sebab projek ini dibina ialah untuk **mengurangkan kebergantungan** kepada sumber bekalan air mentah tunggal yang bakal menimbulkan risiko yang sangat tinggi, sementara Loji Rawatan Air Langat 2 pula tidak dapat membekalkan bekalan air ke Wilayah Klang berikutan jarak jaringan paip agihan dan saluran yang terlalu panjang. Tanpa Loji Rawatan Air Rasau ini, margin rizab air semasa di Klang akan menurun kepada 1.9% pada tahun 2024.

- Di bawah Skim Bekalan Air Rasau ini, air mentah akan diambil dari Sungai Klang dan kemudiannya dialirkan ke sembilan kolam perlombongan bijih timah sedia ada seluas 489 hektar yang akan berfungsi sebagai Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS). Ini merupakan sebab mengapa lokasi projek ini dibina di atas kawasan bekas perlombongan bijih timah yang agak berisiko.

- Presiden Persatuan Ekologi Malaysia, Profesor Dr Ahmad Ismail berkata, insiden ini mungkin berpunca daripada **struktur geologi** kawasan itu yang tanahnya berpasir. Beliau turut menekankan mengenai kepentingan supaya apa sahaja projek pembangunan mesti mempunyai maklumat penting berkaitan alam sekitar, air dan struktur geologi kawasan berkenaan.

- Walau bagaimanapun, insiden ini masih dalam siasatan dan terlalu awal untuk kita menuding jari. Sekiranya runtuhan didapati berpunca daripada kelemahan struktur, syarikat pemaju dan kontraktor yang dilantik perlu bertanggungjawab

dan pihak kerajaan ada perlindungan (insuran) kerosakan disebabkan pembangunan di lokasi kejadian tersebut.

- Namun sekiranya insiden ini berlaku disebabkan struktur tanah, mungkin satu penilaian semua oleh kerajaan terhadap sistem penilaian EIA perlu diadakan bagi memastikan keselamatan semua pihak.

- Begitu juga tahun lalu, kerajaan pernah mengumumkan akan menubuhkan Pusat Bencana Geologi Negara sekaligus mewujudkan dana khusus untuk bencana geologi (geohazard) dan kajian geofizik bumi, namun sehingga kini belum ada apa-apa makluman.

RUJUKAN

- https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1295509/tebing-sungai-runtuh-tapak-projek-pembinaan-lra-ditenggelami-air
- https://www.sinarharian.com.my/article/684624/berita/nasional/tebing-runtuh-mungkin-disebabkan-struktur-geologi
- Leaflet Skim Bekalan Air Rasau oleh Air Selangor https://www.airselangor.com/wp-content/uploads/2023/05/Rasau-Leaflet-digital.pdf

Tanah Adat Orang Asli di Perak Dicemari

- Setelah 12 tahun **pembinaan empangan hidroelektrik** merosakkan tanah adat orang asli di Gopeng, Perak, akhirnya Mahkamah TInggi Ipoh memerintahkan dua syarikat yang terlibat keluar dari kawasan pembinaan dan menghentikan projek tersebut secara serta-merta.

- 22 **petempatan Orang Asli** dari Ulu Geruntum, Gopeng telah mengemukakan saman dengan menamakan beberapa defendan iaitu dua syarikat swasta (Perak Hydro Renewable Energy Corporation Sdn Bhd dan Conso Hydro R E Sdn Bhd), kerajaan Perak, pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli, Pejabat Tanah dan Galian Perak serta Kerajaan Persekutuan.

- Projek yang sudah dimulakan sejak tahun 2012 diminta oleh kumpulan itu untuk dihentikan kerana ia melanggar hak masyarakat mereka ke atas tanah nenek moyang yang didakwa dibersihkan tanpa kebenaran. Antara **implikasi projek** pembinaan empangan hidroelektrik itu termasuk kemusnahan ladang buah dan kawasan perkuburan nenek moyang serta pencemaran sumber air.



- Pada tahun 2018, Menteri Besar Perak ketika itu Datuk Seri Zambry Abd Kadir **mempertahankan pembinaan empangan** itu bagi mematuhi *Kyoto Protocol* dan memastikan pembangunan mampan. *Kyoto Protocol* ialah triti antarabangsa antara negara perindustrian yang menetapkan had mandatori pelepasan gas rumah hijau.

- Empangan itu akan mengurangkan kebergantungan terhadap sumber yang mencemarkan seperti arang batu. Namun rintihan daripada komuniti orang asli dan syarikat rekreasi mengatakan aliran Sungai Geruntum terhalang yang sepatutnya mengalir ke Sungai Kampar yang merupakan lokasi utama aktiviti rakit.

- Hakim berkata orang asli terbabit berhak melindungi tanah adat mereka yang perlu digazetkan oleh kerajaan negeri. Mahkamah juga memerintahkan supaya pampasan nominal sebanyak RM10,000 untuk tapak kubur yang musnah serta RM10,000 lagi bagi pokok yang musnah perlu dibayar kepada plaintif.

- Respon Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Nik Nazmi Nik Ahmad meminta agar semua projek pembinaan empangan hidroelektrik perlu **patuh kepada perundangan**, termasuk menghormati keperluan komuniti setempat.

- Dalam mana-mana usaha untuk memelihara kelestarian alam menerusi penjanaan tenaga bersih, aspek manusiawi juga perlu diambil kira. Kerajaan negeri yang mempunyai hak perlembagaan tentang pengurusan tanah tidak boleh sewenang-wenangnya mengutamakan kepentingan komersial dengan mengenepikan hak pemilik tanah tersebut.

RUJUKAN

- https://www.malaysiakini.com/news/718620
- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/projek-empangan-syarikat-perlu-patuh-undangundang-hormat-hak-orang-asli-nik-nazmi-487262
- https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/09/13/mahkamah-persekutuan-benar-injunksi-orang-asli-henti-pembinaan-empangan/
- https://www.malaymail.com/news/malaysia/2018/02/21/perak-mb-ulu-geruntum-hydro-electric-dam-to-stay-for-now-despite-stakeholde/1582499

Pensijilan Halal Bukan Beban Tapi Peluang

- Naib Pengerusi Kebangsaan DAP **Teresa Kok** telah mencetuskan polemik dengan mempersoalkan kewajiban sijil halal bagi restoran dan syarikat makanan yang tidak menyajikan daging babi serta alkohol. Menurut Teresa Kok, kewajiban pensijilan halal akan menambah beban peniaga tidak kira kaum Melayu atau bukan Melayu, malah ia dikatakan sebagai punca peningkatan kos operasi bagi sesebuah syarikat.

- Walau bagaimanapun, menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Mohd Na'im Mokhtar menyatakan bahawa tiada undang-undang yang mewajibkan pengusaha restoran dan syarikat makanan untuk memiliki sijil halal. Sekiranya negara ingin **mewartakan sijil halal** sebagai satu syarat wajib dalam perkhidmatan makanan dan minuman, terdaapt beberapa akta dan undang-undang perlu diteliti dan diperhalusi sebelum pindaan dilaksanakan.

- Ketua Perundingan Halal, **HDC Berhad**, Chaliff G. Anuar menyangkal dakwaan kos sijil halal yang dikenakan tinggi seperti dakwaan beberapa pihak. Menurutnya, kos sijil adalah serendah RM100 setahun bagi pengusaha restoran berskala kecil. Malah Ketua Perundingan Halal turut menyokong cadangan untuk mewajibkan pensijilan halal dalam industri makanan negara.

- Dari sudut permintaan pasaran halal, Malaysia menjadi antara rujukan industri halal global dan mengeluar pensijilan halal dunia. Negara telah mencatatkan kadar sumbangan industri halal kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 7.5 peratus pada tahun 2023.

- Di samping itu, Malaysia telah ada pengalaman lebih 40 tahun membangunkan industri halal dan negara perlu memanfaatkan kedudukan tersebut dengan menjadi pengemudi pertumbuhan industri halal global

sesuai dengan pelan strategik yang diperkenalkan oleh Kementerian Ekonomi iaitu **Halal Industri Plan 2030** (HIMP 2030).

- HIMP 2030 dirangka dengan tema "Prominet, Visible and Globalised Halal Malaysia" yang berobjektif untuk mengangkat peranan Malaysia sebagai **peneraju utama** dalam industri halal global. Matlamat utama HIMP 2030 adalah untuk memastikan pembangunan sosioekonomi melalui penglibatan pasaran halal dapat diperluas di peringkat global.

- Menjelang tahun 2030, Malaysia menjangkakan saiz pasaran halal akan berkembang kepada USD 5 trillion. Peluang ini meletakkan Malaysia pada kedudukan yang strategik untuk menguasai pasaran halal melalui sistem ekosistem halal yang komprehensif. Antara sektor tumpuan industri halal termasuk makanan dan minuman, kosmetik dan penjagaan diri, serta farmaseutikal.

Table 10.2: Investments of *Halal* Industry

Items	Units	IMP3			2021	2022	2015-2020	2020-2021	2021-2022
		2015	2020	2015-2020			CAGR[2]	Annual Growth	
Total Investment	RM billion	8.9	16.1	75.8	16.3	16.6	12.6%	1.3%	1.7%
Domestic Investment	RM billion	3.2	6.5	29.9	6.6	6.7	15.2%	1.8%	1.2%
Foreign Investment	RM billion	5.7	9.6	45.9	9.7	9.9	11.1%	1.0%	2.1%
Employment	persons	9,251	18,841	86,513	19,238	17,186	15.3%	2.1%	-10.7%

- HIMP 2030 juga disokong oleh **Pelan Induk Industri Baharu 2030** (New Industrial Master Plan 2030 - Halal Industry) yang diterbitkan oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri. Pada tahun 2022, nilai eksport industri halal yang telah dicatatkan adalah sebanyak RM59.5 bilion manakala jumlah pelaburan pula mencapai RM16.6 bilion.

- NIMP 2030 telah merangka beberapa strategi untuk memacu industri halal Malaysia ke tahap lebih tinggi. Antara strategi utama NIMP 2030 termasuk mengantarabangsakan produk halal Malaysia melalui kerjasama global, memperkemas rangka kerja pensijilan halal serta meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam industri halal.
- Pensijilan halal yang dikeluarkan oleh JAKIM telah diiktiraf di lebih 100 negara. Walaupun negara menghadapi cabaran dari segi kewujudan 200 badan pensijilan halal dan logo halal yang berbeza di seluruh dunia, ia tidak menghalang negara untuk memperkemas tatacara pengendalian piawaian sesuai dengan standard antarabngsa seperti Hazard Analysis and Critical Control Points (HACCP) dan International Organization for Standardization (ISO).
- Kesimpulannya, isu yang dikemukakan oleh Teresa Kok dilihat kurang relevan, memandangkan pensijilan halal tidak diwajibkan bagi semua pengusaha. Sebaliknya, adalah lebih wajar bagi beliau menyokong perkembangan industri halal yang semakin pesat.
- Permintaan global terhadap produk halal yang terus meningkat menawarkan peluang besar untuk pertumbuhan ekonomi negara, di samping memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai peneraju dalam industri halal.

RUJUKAN

- https://www.malaysiakini.com/news/718377
- https://www.youtube.com/watch?v=W2DVp2N73ZI&ab_channel=AstroAWANI
- https://www.utusan.com.my/nasional/2024/06/industri-halal-negara-sumbang-7-5-peratus-kdnk-negara-tahun-lalu/



NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Maklumat lanjut mengenai penerbitan
Rangkuman Isu Semasa Mingguan
boleh didapati di:

www.yslestari.org.my/**nexus**

© **Hak Cipta Terpelihara**